



LKM-P3

## PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

### SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN AGENSI PENGGREDAN KOKO

1. Agensi hendaklah mempamerkan Sijil Pendaftaran Agensi Penggredan Koko di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
2. Agensi hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
  - 2.1 Aktiviti Penggredan Biji Koko Kering;
  - 2.2 Meteri Keselamatan;
  - 2.3 Caj Perkhidmatan Penggredan;
  - 2.4 Analisis Kualiti Biji Koko Kering;
  - 2.5 Senarai Penggred; dan
  - 2.6 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
3. Agensi hendaklah mempunyai penggred yang ditauliahkan oleh Lembaga.
4. Agensi hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan kelengkapan yang disyorkan oleh Lembaga.
5. Agensi hendaklah memastikan semua peralatan penggredan termasuk alat timbang, dll. dikalibrasi dan disahkan oleh pihak berkuatkuasa.
6. Agensi hendaklah mempamerkan papan tanda "**AGENSI PENGGREDAN KOKO BERDAFTAR**" di tempat yang mudah dilihat di premis urus niaga.
7. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.